

SULIT



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

JABATAN PERDAGANGAN

PEPERIKSAAN AKHIR

SESI II : 2022/2023

**DPD40103: ACCOUNTING FOR ISLAMIC FINANCIAL
INSTITUTION**

TARIKH : 12 JUN 2023

MASA : 11.15 PG – 1.15 PTG (2 JAM)

Kertas ini mengandungi **EMPAT BELAS (14)** halaman bercetak.

Struktur (4 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

SULIT

INSTRUCTION:

This section consists of **FOUR (4)** structured questions. Answers **ALL** questions.

ARAHAN:

Bahagian ini mengandungi EMPAT (4) soalan struktur. Jawab SEMUA soalan.

QUESTION 1**SOALAN 1**

- CLO1 (a) Define accounting from Islamic perspective.
Definisikan perakaunan daripada perspektif Islam.
- [5 marks]
[5 markah]
- CLO1 (b) Explain **FIVE (5)** principles of zakat on business wealth.
Terangkan LIMA (5) prinsip-prinsip zakat perniagaan.
- [10 marks]
[10 markah]
- CLO1 (c) The following is the Trial Balance for Latheefa Bank Berhad as at 31 December 2022.
Berikut adalah Imbangan Duga untuk Latheefa Bank Berhad pada 31 December 2022.

Transaction / Transaksi	Debit / Debit (RM '000)	Credit / Kredit (RM '000)
Cash and short-term funds / <i>Tunai dan dana jangkamasa pendek</i>	5,216,376	
Income attributable to depositors / <i>Pendapatan diagihkan kepada pendeposit</i>	1,006,479	
Derivative financial assets / <i>Aset kewangan derivatif</i>	61,665	
Zakat / <i>Zakat</i>	11,770	
Financing, advances and others / <i>Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain</i>	54,670,635	
Net allowance for impairment on other financial assets / <i>Peruntukan bersih bagi rosotnilai lain-lain aset kewangan</i>	2,757	
Statutory deposits with Bank Negara Malaysia / <i>Rizab berkanun Bank Negara Malaysia</i>	192,425	
Direct expenses / <i>Belanja langsung</i>	13,660	
Personnel expenses / <i>Belanja kakitangan</i>	663,367	
Other overhead expenses / <i>Belanja overhead lain-lain</i>	411,085	
Tax expense / <i>Belanja cukai</i>	151,489	
Investment accounts of customers / <i>Akaun pelaburan pelanggan</i>		12,368,528
Income derived from investment of depositor's funds / <i>Pendapatan diperolehi daripada dana pendeposit</i>		2,504,013
Bills and acceptances payable / <i>Bil dan terimaan belum bayar</i>		29,621
Income derived from investment account funds / <i>Pendapatan diperolehi daripada dana akaun pelaburan</i>		513,934

Deposits from customers / <i>Deposit daripada pelanggan</i>		51,007,262
Derivative financial liabilities / <i>Liabiliti kewangan derivatif</i>		105,872

You are required to report the Profit after Tax and Zakah for the year ended 31 December 2022 using Statement of Comprehensive Income.

Anda dikehendaki untuk melaporkan Keuntungan selepas Cukai dan Zakat bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2022 menggunakan Penyata Pendapatan Komprehensif.

[10 marks]

[10 markah]

QUESTION 2**SOALAN 2**

CLO1

- (a) Describe the concept of Wadiah Deposit Account.

Jelaskan konsep Akaun Deposit Wadiah.

[5 marks]

[5 markah]

CLO1

- (b) Songket Tenun Sdn. Bhd., a textile company, signed for Musharakah Mutanaqisah Financing product with Emir Islamic Bank Berhad. Based on their agreement, Emir Islamic Bank Berhad agreed to provide 80% of capital with the amount of RM320,000. This agreement also stated that the tenure of contract is for 5 years with equal repayment yearly. The profit-sharing ratio is agreed at 70:30 at the beginning of the contract, between Emir Islamic Bank Berhad and Songket Tenun Sdn. Bhd. accordingly. The profits and losses from the contract are as follow:

Songket Tenun Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat tekstil telah menandatangani produk Pembiayaan Musharakah Mutanaqisah dengan Emir Islamic Bank Berhad. Berdasarkan perjanjian mereka, Emir Islamic Bank Berhad telah bersetuju untuk menyediakan 80% modal dengan amaun RM320,000. Perjanjian ini juga telah menetapkan tempoh kontrak selama 5 tahun dengan pembayaran semula secara sama rata setiap tahun. Nisbah perkongsian untung yang telah dipersetujui ialah 70:30 pada permulaan kontrak antara Emir Islamic Bank Berhad dan Songket Tenun Sdn. Bhd. masing-masing. Untung dan rugi sepanjang kontrak tersebut adalah seperti berikut:

Year / Tahun	Profit / (Loss) / <i>Untung</i> / (<i>Rugi</i>)
1	(RM 70,000)
2	RM 280,000
3	RM 350,000
4	(RM 30,000)
5	RM 420,000

From the above situation, you are required to detail the profit and loss allocated to bank and partner.

Daripada situasi di atas, anda dikehendaki untuk memperincikan pembahagian untung dan rugi di antara bank dan rakan kongsi.

[10 marks]

[10 markah]

- CLO1 (c) Cotton Button Sdn. Bhd. has applied for Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB) Financing from Auf Islamic Bank Berhad with the following terms:

Cotton Button Sdn. Bhd. telah memohon Pembiayaan Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB) dari Auf Islamic Bank Berhad dengan terma-terma berikut:

Cost of vehicle / <i>Kos kenderaan</i>	RM90,000
Duration of Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB) Financing / <i>Tempoh Pembiayaan Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB)</i>	7 years / <i>tahun</i>
Estimated useful life of the vehicle / <i>Jangkaan jangka hayat kenderaan</i>	7 years / <i>tahun</i>
Monthly rentals / <i>Sewaan bulanan</i>	RM1,400

You are required to detail out the following items if you are an accountant of Auf Islamic Bank that manage the recording of this financing.

Anda dikehendaki untuk memperincikan item-item berikut jika anda merupakan akauntan Auf Islamic Bank Berhad yang menguruskan perekodan pembiayaan ini.

- i) Price of vehicle paid by Auf Islamic Bank Berhad to supplier.
Harga kenderaan yang dibayar oleh Auf Islamic Bank Berhad kepada pihak pembekal.
- ii) Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB) Financing account.
Akaun Pembiayaan Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB).
- iii) Unearned income account.
Akaun pendapatan belum terperoleh.
- iv) Yearly rental paid by Cotton Button Sdn. Bhd.
Sewa tahunan yang dibayar oleh Cotton Button Sdn. Bhd.

- v) Yearly income recognition of Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB) Financing.

Pengiktirafan pendapatan daripada Pembiayaan Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB).

[10 marks]

[10 markah]

QUESTION 3**SOALAN 3**

CLO2

- (a) The following transactions are regarding Wadiah Deposit Account for Huda Islamic Bank.

Transaksi berikut adalah berkaitan Akaun Deposit Wadiah untuk Huda Islamic Bank.

No. / Bil	Transaction / Transaksi	Debit / Debit	Credit / Kredit
1.	On 1st January 2022, Huda Islamic Bank received deposit of RM50,000 from Selendang Enterprise under Wadiah Deposit Account product. <i>Pada 1 Januari 2022, Huda Islamic Bank telah menerima deposit sebanyak RM50,000 daripada Selendang Enterprise di bawah produk Akaun Deposit Wadiah.</i>		
2.	Selendang Enterprise has withdrawn RM5,000 on March 2022. <i>Selendang Enterprise telah mengeluarkan duit sebanyak RM5,000 pada Mac 2022.</i>		
3.	At the end of the year, Huda Islamic Bank has paid RM20 as a hibah. <i>Pada penghujung tahun, Huda Islamic Bank telah membayar RM20 sebagai hibah.</i>		

For each transaction, you are required to outline the suitable accounts in the given table for Huda Islamic Bank.

Untuk setiap transaksi, anda dikehendaki untuk menyatakan akaun yang bersesuaian di dalam jadual yang diberikan bagi Huda Islamic Bank.

[5 marks]

[5 markah]

CLO2

- (b) Cushion Services Sdn. Bhd. needs working capital and interested to apply Mudharabah Financing product provided by Kejora Islamic Bank Berhad. As a practical training student of Kejora Islamic Bank Berhad, you are asked to entertain the client and report to the officer on how the transaction will be journalized if the situation is as follows;

Cushion Services Sdn. Bhd. memerlukan modal kerja dan berminat untuk memohon produk Pembiayaan Mudharabah yang ditawarkan oleh Kejora Islamic Bank Berhad. Sebagai pelajar latihan industri di Kejora Islamic Bank Berhad, anda dikehendaki untuk melayan pelanggan dan melapor kepada pegawai tentang bagaimana transaksi ini dijurnalkan jika situasinya adalah seperti berikut;

- Mudharabah Financing; RM80,000,
Pembiayaan Mudharabah; RM80,000,
- Profit sharing ratio 3:2 between Kejora Islamic Bank Berhad and Cushion Services Sdn. Bhd. respectively,
Nisbah Pembahagian Untung 3:2 masing-masing antara Kejora Islamic Bank Berhad dan Cushion Services Sdn. Bhd.,
- The tenure of contract is 5 years,
Tempoh kontrak selama 5 tahun,
- The profit and loss of the project are as follows:

Untuk dan rugi projek adalah seperti berikut:

Year / Tahun	Profit/(Loss) / Untung/(Rugi)
1	(RM9,000)
2	RM60,000
3	RM85,000
4	(RM15,000)
5	RM100,000

- Repayment is lump sum at the end of contract.

Pembayaran semula dibayar secara sekaligus pada akhir kontrak.

You are required to prepare the journal entries of the above transactions at the end of each period.

Anda dikehendaki untuk menyediakan catatan jurnal bagi transaksi-transaksi di atas bagi setiap akhir tempoh.

[10 marks]

[10 markah]

- CLO2 (c) Khalifah Islamic Bank Berhad invested capital of RM300,000, into a Musharakah Mutanaqisah agreement on 1st January 2020 for 3 years contract with Aqeef, a Muslim entrepreneur who also provided a capital of RM200,000. Since Aqeef was the managing partner, it was decided that the profit-sharing ratio of the Musharakah Mutanaqisah venture was 30:70 (30% for the bank). The profit and loss for the above venture are as follow:

Khalifah Islamic Bank Berhad telah melaburkan modal sebanyak RM300,000, ke dalam perjanjian Musharakah Mutanaqisah pada 1 Januari 2020 bagi

kontrak 3 tahun dengan Aqeef, seorang usahawan Muslim yang juga menyediakan modal RM200,000. Memandangkan Aqeef adalah rakan kongsi pengurusan, telah diputuskan bahawa nisbah perkongsian keuntungan usaha niaga Musharakah Mutanaqisah ialah 30:70 (30% untuk bank). Keuntungan dan kerugian bagi usaha niaga di atas adalah seperti berikut:

Year / Tahun	Profit / Loss / Untung / Rugi	RM
2020	Profit / Untung	100,000
2021	Loss / Rugi	50,000
2022	Profit / Untung	120,000

You are required to prepare the journal entries for the above transactions from the beginning until the end of the contract.

Anda dikehendaki untuk menyediakan catatan jurnal bagi transaksi-transaksi di atas dari awal hingga tamat kontrak.

[10 marks]

[10 markah]

QUESTION 4**SOALAN 4**

CLO2

- (a) Mr. Abd Muhaimin required a financing for the purpose of house purchase. He applied a house financing product from Salam Islamic Bank based on Murabahah principle. The financing was amounting to RM500,000 at a constant rate of return 7% for 25 years. At the end of the contract, Mr. Abd Muhaimin owed the bank a balance amounting to RM25,000. Mr. Abd Muhaimin was charged a 1% penalty of the outstanding amount due at the end of the contract and the amount collected is normally disbursed as charity.

En. Abd Muhaimin memerlukan pembiayaan untuk tujuan pembelian rumah. Beliau memohon produk pembiayaan perumahan daripada Salam Islamic Bank berdasarkan prinsip Murabahah. Pembiayaan tersebut berjumlah RM500,000 pada kadar pulangan tetap 7% selama 25 tahun. Pada akhir kontrak, En. Abd Muhaimin telah berhutang dengan pihak bank sejumlah RM25,000. En. Abd Muhaimin telah dikenakan penalti sebanyak 1% daripada jumlah yang tertunggak yang perlu dibayar pada akhir kontrak dan jumlah tersebut biasanya diagihkan sebagai amal jariah

You are required to prepare the journal entries for **beginning of the contract, first year, year 10 dan final year** of the contract.

Anda dikehendaki untuk menyediakan catatan jurnal bagi transaksi pada awal kontrak, tahun pertama, tahun kesepuluh dan tahun terakhir kontrak.

[10 marks]

[10 markah]

- (b) Yassin Islamic Bank entered the contract of Al-Ijarah Muntahia Bittamleek (AIMAT) financing with Nahl Sdn. Bhd. for 4 years period. The dealings were for 10 units of equipment at a total cost of RM100,000 with yearly rental of RM50,000. The bank entered a maintenance contract with another repair company for major service at a yearly cost of RM500 per equipment. Depreciation is to be valued on a straight-line method. The rentals to be paid are in half yearly installments over the four years. At the end of the contract, the bank promises to give the equipment as a gift.

Yassin Islamic Bank telah memasuki kontrak pembiayaan Al-Ijarah Muntahia Bittamleek (AIMAT) dengan Nahl Sdn. Bhd. untuk tempoh 4 tahun. Urus niaga itu adalah untuk 10 unit peralatan dengan jumlah kos RM100,000 dengan sewa tahunan RM50,000. Pihak bank telah menandatangani kontrak penyelenggaraan dengan syarikat pembaikan lain bagi penyelenggaraan major dengan kos tahunan RM500 bagi setiap peralatan. Susut nilai telah dinilai mengikut kaedah garis lurus. Pembayaran sewa adalah secara ansuran bagi setiap setengah tahun dalam tempoh empat tahun. Pada akhir kontrak, pihak bank berjanji untuk memberikan peralatan tersebut sebagai hadiah.

You are required to prepare the extract of Statement of Financial Position and Statement of Comprehensive Income for Yassin Islamic Bank.

Anda dikehendaki untuk menyediakan ekstrak Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Pendapatan Komprehensif bagi Yassin Islamic Bank.

[15 marks]

[15 markah]

SOALAN TAMAT